



Rujukan : UKM KPD/262/3

Tarikh : 5 September 2017

Semua Pelajar  
Program Prasiswazah dan Siswazah  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
(kecuali pelajar FTSM)

Saudara/i,

### MAKLUMAT PENTING SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan semester 1 sesi akademik 2017-2018 akan bermula pada 9 Oktober 2017. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan perjalanan proses pembelajaran semester hadapan maka disenaraikan perkara penting untuk makluman dan peringatan bersama.

#### 1. PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018

Semua pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Bagi pelajar yang belum mendaftar atau tidak mendaftar awal, saudara/i boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 9 Oktober 2017. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.

**BAGI PELAJAR YANG MASIH TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN SELEPAS TEMPOH TAMBAH KURSUS TAMAT, AKAN DIKENAKAN CAJ TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN SEBANYAK RM50 SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.**

#### 2. JADUAL PERKULIAHAN

Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP **selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula**. Pelajar juga dinasihatkan menyemak jadual kuliah sebelum hadir ke kuliah untuk sebarang makluman terkini.

#### 3. YURAN PENGAJIAN

Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester **sebelum atau pada 25 September 2017**. Kaedah pembayaran yuran boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan Pelajar di muka utama laman web PKP. Perlu diingatkan PKP **tidak menerima bayaran** yuran secara **TUNAI** semasa edaran buku di semua pusat kuliah. Pembayaran yuran melalui kad kredit hanya diterima di UKM, Bangi sahaja.

Sila bawa salinan pembayaran yuran semasa mengambil bahan bacaan sebagai bukti bayaran sekiranya data belum dikemaskini oleh Unit Kewangan (*bagi pelajar berkenaan sahaja*).

Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan **sistem KewPKP**. Sistem ini boleh dicapai dari muka utama laman web PKP. Pengenalan dan katalaluan adalah sama dengan SMPE.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

**4. EDARAN BUKU SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018 (PROGRAM PRASISWAZAH YANG BERKENAAN SAHAJA)**

Edaran buku semester 1 sesi akademik 2017-2018 akan dijalankan di pusat kuliah masing-masing pada tarikh, masa dan tempat di **Lampiran 1**. Pegawai Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) akan berada di pusat-pusat tersebut untuk membantu saudara/i dalam hal berkaitan dengan urusan PKP.

Serahan buku **diutamakan** bagi pelajar yang telah membuat pendaftaran awal (*bagi program prasiswazah yang berkenaan sahaja*). Pelajar pusat kuliah Bangi dan Kuala Lumpur yang **tidak membuat pendaftaran awal** hanya boleh mengambil buku mulai **9 Oktober 2017** tertakluk kepada stok di PKP.

**MULAI SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017, PKP TIDAK LAGI MENYEDIAKAN SLIP PENDAFTARAN KURSUS. PELAJAR PERLU MENCETAK SLIP PENDAFTARAN KURSUS DI SMPE DAN MEMBAWA SLIP TERSEBUT BAGI TUJUAN PENGAMBILAN BUKU.**

**PELAJAR DIINGATKAN SUPAYA MEMASTIKAN HANYA KURSUS HENDAK DIAMBIL SAHAJA YANG DIDAFTARKAN DI SMPE. INI ADALAH KERANA BERMULA SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017, CAJ AKAN DIKENAKAN KEPADA PELAJAR YANG GUGUR/TARIK DIRI KURSUS SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.**

**5. UJIAN MUET SEBAGAI SYARAT PENGIJAZAHAN**

Pelajar program prasiswazah perlu lulus ujian MUET sebagai salah satu **syarat pengijazahan**. Bagi pelajar bermula sesi kemasukan 2013-2014 yang memperolehi keputusan MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, perlu mengambil semula MUET kerana telah tamat tempoh sah laku. Pelajar perlu mendapat keputusan MUET sekurang-kurangnya band 1.

Bagi pelajar di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) sesi kemasukan 2014/2015, pelajar perlu memperolehi keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 2 manakala fakulti lain pula bermula sesi kemasukan 2016-2017. Pelajar boleh menyemak status keputusan MUET di SMPE.

**6. PENGECUALIAN KURSUS**


Pelajar program prasiswazah boleh memohon pengecualian kursus untuk Latihan Amali/Industri. Sila kemukakan permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing **melalui PKP**. Kelulusan adalah tertakluk kepada fakulti. Status pengecualian kursus boleh disemak di SMPE.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**PROF DR NORHAMIDI MOHAMAD**  
Pengarah

s.k.            -            Penyelaras Program  
                  -            Ketua Pentadbiran, PKP  
                  -            Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP  
                  -            Penyelia Pusat Kuliah

**PUSAT KULIAH BANGI DAN KUALA LUMPUR**

1. a) **Tarikh** : **2-6 Oktober 2017 (Isnin – Jumaat)**  
**Masa** : 9.00 pagi – 4.00 petang (kaunter tutup pada jam 1.00 -2.00 ptg)  
\* Pada hari Jumaat Kaunter tutup jam 12.15 tgh-2.45 ptg
- Tempat** : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
**Program** : Program prasiswazah yang berkenaan sahaja
- b ) **Tarikh** : **7-8 Oktober 2017 (Sabtu – Ahad)**  
**Masa** : 9.00 pagi – 3.00 petang  
**Tempat** : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
**Program** : Program prasiswazah yang berkenaan sahaja

**PELAJAR YANG TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN AWAL**

2. a) **Tarikh** : **9-13 Oktober 2017 (Isnin – Jumaat)**  
**Masa** : 9.00 pagi – 4.00 petang (kaunter tutup pada jam 1.00 -2.00 ptg)  
\*Pada hari Jumaat Kaunter tutup jam 12.15 tgh-2.45 ptg
- Tempat** : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
**Program** : Program prasiswazah yang berkenaan sahaja
- b) **Tarikh** : **14-15 Oktober 2017 (Sabtu – Ahad)**  
**Masa** : 9.00 pagi – 3.00 petang  
**Tempat** : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
**Program** : Program prasiswazah yang berkenaan sahaja

**PUSAT KULIAH BUKIT MERAH**

**Tarikh** : **14 Oktober 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : 8.30 – 10.00 pagi  
**Tempat** : Kolej Bukit Merah  
Pegawai bertugas: Pn Aznida Mohamed Idris

**PUSAT KULIAH KUCHING**

**Tarikh** : **14 Oktober 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : 8.30 – 10.00 pagi  
**Tempat** : Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak  
**Pegawai bertugas** : Pn Massarah Abd Talib

**PUSAT KULIAH KOTA KINABALU**

**Tarikh** : **14 Oktober 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : 8.30 – 10.00 pagi  
**Tempat** : Kolej Yayasan Sabah  
**Pegawai bertugas** : Mohd Firdaus Ibrahim

**PUSAT KULIAH KOTA BHARU**

**Tarikh** : **14 Oktober 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : 8.30 – 10.00 pagi  
**Tempat** : Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra  
**Pegawai bertugas** : Pn Nor Hapizah Abd Rahman

**PUSAT KULIAH JOHOR BAHRU**

**Tarikh** : **14 Oktober 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : 8.30 – 10.00 pagi  
**Tempat** : Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Larkin  
**Pegawai bertugas** : Pn Mazuna Jamaludin

**PUSAT KULIAH ALOR SETAR**

**Tarikh** : **14 Oktober 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : 8.30 – 10.00 pagi  
**Tempat** : Kolej Poly-Tech Mara  
**Pegawai bertugas** : En Khairulizwan Ali



**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

**TARIKH-TARIKH PENTING UNTUK SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018**

**PRASISWAZAH**

Perkara	Tarikh
Tambah/Gugur kursus <b>(M1-M2)</b>	9– 22 Oktober 2017 (2 minggu)
Gugur kursus sahaja <b>(M3-M4)</b>	23 Oktober – 5 November 2017 (2 minggu)
Tarik Diri kursus (TD) <b>(M5-M8)</b>	6 November – 3 Disember 2017 (4 minggu)
Pengesahan Pendaftaran Untuk Masuk Peperiksaan <b>(M9)</b>	4 – 10 Disember 2017 (1 minggu)
Mohon Gantung Pendaftaran (tanggung) <b>(M1-M10)</b>	9 Oktober – 17 Disember 2017 (10 minggu)
Pendaftaran Awal untuk Semester 2 2017 – 2018 <b>(M11-M12)</b>	18 – 31 Disember 2017 (2 minggu)
Peperiksaan Akhir <b>(M17-M20)</b>	29 Januari – 25 Februari 2018 (4 minggu)

**SISWAZAH**

Perkara	Tarikh
Tambah/Gugur kursus <b>(M1-M4)</b>	9 Oktober – 5 November 2017 (4 minggu)
Mohon Gantung Pendaftaran (tanggung) <b>(M1-M4)</b>	9 Oktober – 5 November 2017 (4 minggu)
Tarik Diri kursus (TD) <b>(M5-M10)</b>	6 November – 17 Disember 2017 (6 minggu)
Pengesahan Pendaftaran Untuk Masuk Peperiksaan <b>(M9)</b>	4 – 10 Disember 2017 (1 minggu)
Pendaftaran Awal untuk Semester 2 2017 – 2018 <b>(M11-M12)</b>	18 – 31 Disember 2017 (2 minggu)
Peperiksaan Akhir <b>(M17-M20)</b>	29 Januari – 25 Februari 2018 (4 minggu)

Rujukan : **M** = Minggu sesi pembelajaran (kuliah)

Bagi tujuan tambah / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe> kecuali bagi permohonan untuk menggantung pendaftaran. Permohonan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas **tidak akan dipertimbangkan**.